



جدوال قمبرچاين خطبه جمعة سيري 2022 /8

Bulan Ogos Tahun 2022

تاريخ	تاجوق	ب
5.8.2022M/ 7 Muharram 1444H	Hijrah Dirai Muallaf Disantuni	1.
12.8.2022M/ 14 Muharram 1444H	Jauhi Cinta Terlarang	2.
19.8.2022M/ 21 Muharram 1444H	Zakat: Keperluan Yang Ditohmah	3.
26.8.2022M/ 28 Muharram 1444H	Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan	4.
خطبه كدوا		

فرچيتقن دبياياء:



Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan

Teks Khutbah Sempena Hari Kemerdekaan 2022
(26 Ogos 2022M / 28 Muharram 1444H)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِئِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنِ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿٥٥﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Di kesempatan yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan sebenar-benar takwa. Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. Selain itu, marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan dengan asbab ketaatan dan ketakwaan kita kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, segala ujian yang diberikan pada waktu ini akan segera diangkat oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.



Sebelum melanjutkan bicara, dengarkanlah adab-adab mendengar khutbah berikut. Pertama, jangan berbual-bual. Kedua, jangan bermain telefon bimbit. Manakala yang ketiga, jangan tidur dengan sengaja ketika khatib berkhotbah. Semoga ganjaran pahala yang besar mengiringi ibadah yang kita tunaikan semata-mata kerana Allah. Pada hari yang berkat ini, mari kita berikan sepenuh tumpuan kepada khutbah yang bertajuk: **“Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan.”**

HADIRIN SEKALIAN,

Dalam tempoh beberapa hari saja lagi, kita akan bertemu tarikh keramat iaitu 31 Ogos yang merupakan tarikh Sambutan Hari Kemerdekaan. Ia disambut bagi mensyukuri nikmat kemerdekaan yang diperolehi hasil perjuangan para tokoh kemerdekaan menentang para penjajah.

Merdeka bermaksud bebas daripada penjajahan, kurungan, naungan dan sebagainya. Ia juga bermaksud lepas daripada tebusan atau tuntutan serta berdiri sendiri dan tidak bergantung pada yang lain. Berdasarkan kamus bahasa arab, kemerdekaan disebut sebagai *istiqlal* (إِسْتِقْلَالٌ) yang didefinisikan sebagai bersendirian dalam memiliki kemuliaan, berdikari dan bangkit daripada penindasan atau melepaskan diri daripada sesuatu ikatan.

Alhamdulillah, dengan berkat nikmat kemerdekaan yang diperjuangkan oleh para pahlawan kemerdekaan yang terdiri dari kalangan pemimpin negara, para alim ulama' dan rakyat keseluruhannya, Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** telah mengizinkan kita untuk merasai nikmat keamanan, kebebasan, kesejahteraan, dan juga kemakmuran tanpa dijajah oleh mana-mana pihak. Secara tidak langsung, nikmat kemerdekaan ini telah memudahkan kita melaksanakan tuntutan hidup beragama dengan tenang dan harmoni, keperluan hidup berkeluarga, berjiran dan bermasyarakat dengan penuh kesejahteraan.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan ini dengan melakukan ketaatan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** seperti mana yang tercatat dalam surah Ibrahim ayat ke 7:



وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.”

Oleh itu, kita bersyukur pada Sambutan Hari Kemerdekaan ke-64 pada tahun ini kerana pada ketika ini sekali lagi kita dapat meraikan detik bersejarah yang amat bermakna dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Selanjutnya, marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* kerana melalui nikmat kemerdekaan ini kita mengenal erti keamanan, kita berpeluang merasai nikmat kemajuan dan permodenan, selain nikmat kebebasan yang merupakan anugerah Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* kepada kita selaku rakyat bertuah di bumi Malaysia tercinta ini.

SIDANG HADIRIN YANG DIMULIAKAN,

Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini dengan tema “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” juga pastinya berbeza kerana kita akan menyambutnya dengan begitu meriah disebabkan pelbagai kelonggaran S.O.P telah diberikan. Justeru, bagi menterjemahkan nikmat kesyukuran ini hendaklah kita menanamkan rasa cinta atas kedaulatan tanahair yang tercinta. Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* pernah menyatakan kecintaan Baginda terhadap Mekah melalui sebuah hadis Riwayat At-Tirmizi;

مَا أَطَيْبَكَ مِنْ بَلَدٍ، وَأَحَبَّكَ إِلَيَّ، وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكَ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكَ

Maksudnya: “Alangkah baiknya dirimu wahai Mekah dan betapa cintanya diri-Ku terhadapmu, seandainya kaum-Ku tidak mengeluarkan-Ku darimu, nescaya Aku tidak akan tinggal selain daripadamu.”



Merujuk kepada hadis ini, para ulamak menyatakan bahawa ia membuktikan betapa kasihnya Baginda Nabi Muhammad ﷺ terhadap tanahairnya yang merupakan tempat dirinya dilahirkan iaitu bumi Mekah yang diberkati.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH ﷻ,

Pada Ayat 15 daripada surah Saba' yang dibacakan pada permulaan khutbah sebentar tadi, Allah ﷻ berfirman yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba’, satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur): “Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun!”

Islam adalah agama yang menganjurkan kita mensyukuri segala nikmat yang telah diperolehi dalam kehidupan di dunia ini termasuklah nikmat kemerdekaan daripada cengkaman penjajah. Perjuangan mendapatkan kemerdekaan bukanlah sesuatu yang mudah dan dapat dicapai dalam tempoh yang singkat. Tokoh-tokoh besar seperti Mat Kilau, Tok Gajah, Datuk Maharaja Lela, Tok Janggut, Tuanku Abdul Rahman serta banyak lagi individu, rela berkorban jiwa dan raga demi mencapai nikmat kemerdekaan tanahair. Mereka sanggup berperang sehingga ke titisan darah terakhir dan berkorban apa sahaja semata-mata untuk meraih kemerdekaan. Mereka titipkan roh dan semangat perjuangan kepada generasi terkemudian.

Kesungguhan dan keberanian dalam misi melawan penjajah haruslah dijadikan contoh dan iktibar terutamanya buat generasi muda pada masa kini. Janganlah dengan nikmat kebebasan dan kurniaan rezeki yang melimpah ruah menjadikan kita manusia yang leka dan penakut bagi mempertahankan kedaulatan tanahair.



Di kesempatan ini, marilah kita mendoakan kesejahteraan terutamanya kepada para pejuang kemerdekaan yang telah pergi menghadap Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan keampunan dan beroleh syurga yang tertinggi.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Kemerdekaan negara yang dikecapi pada masa kini adalah anugerah Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang wajib disyukuri dan dipelihara. Hasil daripada nikmat ini, pelbagai kebaikan telah dirasakan oleh kita sebagai rakyat Malaysia berkat kebijaksanaan pemimpin dan ketua kerajaan terdahulu, kita dapati pelbagai pembangunan dan prasarana untuk kesejahteraan rakyat telah disediakan oleh pihak kerajaan.

Oleh itu, keamanan dan keteguhan perpaduan hendaklah dijelmakan oleh masyarakat Malaysia yang terkenal dengan sifat penyantun dan berpekerti mulia. Sebagai tanda syukur kepada Allah di atas nikmat kemerdekaan hendaklah kita sentiasa mematuhi titah perintah-Nya. Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Al-Hajj ayat 41:

الَّذِينَ إِذَا مَكَتَهُمْ فِي الْأَرْضِ أَخَامُوا الصَّلَاةَ وَعَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Maksudnya: *“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”*

SIDANG PENDENGAR YANG DIMULIAKAN,

Marilah kita bersama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan tadi:

Pertama: Nikmat kemerdekaan bukanlah diperoleh dengan mudah dan memerlukan masa yang begitu lama untuk mendapatkannya.



Kedua: Kemerdekaan negara yang dinikmati ini adalah anugerah Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* yang wajib disyukuri dan dipelihara.

Ketiga: Syiar Islam dapat ditegakkan hasil daripada nikmat kemerdekaan yang dikecapi pada masa ini.

Firman Allah dalam surah Al-Isra', ayat 81;

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا ﴿٨١﴾

Maksudnya: *“Dan katakanlah: telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللَّهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





خطبة كدوا بولن اوكوس

2022M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلَايِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ اَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ - عَلِيمًا حَكِيمًا:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni



Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.

Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا
عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٧﴾

